

Mohamad Hafiz bin Yahaya (2018). Seni dalam Kehidupan, Kehidupan dalam Seni.. *Idealogy*, 3 (4): 59-63, 2019

Seni dalam Kehidupan, Kehidupan dalam Seni.

Mohamad Hafiz bin Yahaya

Faculty of Art and Design, University of Technology MARA, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

“Art is not what you see, but what you make others see”

Edgar Degas

Seni.

Kesenian adalah merujuk kepada muzik, tarian, persembahan teater, penulisan kreatif, dan seni visual (Frank, 2004). Praktis seni visual merangkumi idea dan teknik yang membentuk proses penghasilan karya seni visual. Seni visual terdiri dari beberapa disiplin seperti catan, cetakan, arca, media baru dan campuran (Ocvirk, 1998). Sejarah perkembangan dan penghasilan karya seni visual memang tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti kehidupan manusia. Instrumen dan kaedah baru di dalam sektor kesenian sentiasa dicipta untuk masyarakat lebih memahami kehidupan, budaya dan perkembangannya.

Perkara ini menyebabkan manusia tidak hanya berharap kepada sains dan teknologi untuk melihat kehidupan dan perkembangannya. Makanya pelukis bertanggungjawab untuk mencari satu persoalan yang wujud di dalam kehidupan masyarakat (Papastergiadis, 2010; Lapierre, 1946) dan menterjemahkannya kepada masyarakat untuk dikongsi sebagai satu penemuan ilmu dan fakta yang mampu menentukan nilai pada estetika karya seni dan memudahkan pemahaman terhadap perkembangan sosial budaya.

Seni dan Kehidupan.

Manusia mengalami pengalaman kehidupan seharian yang telah menjadi rutin peribadi yang biasa bagi individu dan rutin yang sama mungkin dilalui oleh individu lain atau masyarakat (Inglis, 2005). Rutin yang normal melibatkan aktiviti kehidupan dari bangun dari tidur di awal pagi sehingga ke malam sewaktu individu tidur. Menurut Anthony Giddens (Tomlinson, 1997), kita hidup dari sehari ke sehari di mana apa yang kita lakukan adalah rutin harian, pakai pakaian yang kita miliki, berjalan sekeliling tempat-tempat yang biasa dilalui dan lakukan aktiviti seharian yang biasa dilakukan setiap hari adalah rutin harian kita. Perkara-perkara ini adalah sebahagian daripada aktiviti sosial manusia yang sukar untuk dijelaskan melainkan manusia itu merasainya sendiri. Ini menjelaskan bahawa kehidupan seharian manusia mengandungi pengaruh yang besar dari apa yang dirasakan. Menurut Georg Simmel, (1950), perkara atau rutin biasa di dalam kehidupan penting kerana ianya boleh mencerminkan ekspresi yang luas terhadap sosial budaya sesuatu masyarakat kerana setiap manusia melalui rutin hariannya yang biasa dan ianya mungkin dikongsi perbuatan yang sama oleh individu yang lain di tempat yang berbeza.

Kehidupan harian manusia mungkin dianggap biasa atau tiada apa-apa yang menarik untuk dibincangkan, namun pelukis mungkin tertarik mengenainya. Pelukis sememangnya menggunakan subjek sekelilingnya untuk dijadikan inspirasi berkarya. Pelukis dan masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana pelukis merupakan individu yang merakam dan mengkaji sejarah secara langsung atau tidak langsung, (Godfrey, 2007). Percampuran tanda dan konsep yang mewakili sumber tempatan dan global mempengaruhi pembentukan budaya harian. Pelukis tidak dapat lari dari terlibat secara langsung di dalam dialog mengenai masyarakat sosial, politikal, estetik dan realiti kehidupan manusia di zamannya (Rump, 2009). Pelukis juga mula melakukan proses kajian (proses berkarya) yang mengundang audiens untuk berfikir mengenai masa lalu dengan membuat hubungan di antara situasi, sifat, dan objek dengan menghubungkannya dengan memori lalu untuk membentuk satu gambaran budaya dengan lebih luas (Godfrey, 2007).

Pelukis kontemporari juga menegaskan yang pengalaman di dalam dunia seni tidak dapat dipisahkan oleh aktiviti sosial yang wujud dan berkembang di dalam

ruang kotaraya, Papastergiadis (2010). Pengkaji sejarah seni di abad ke-21 masih bergelut di dalam menentukan sama ada pentingnya membahaskan mesej dan maksud sesebuah karya atau cuma memperhalusi apresiasi terhadap bentuk karya seni sahaja. Di dalam konteks globalisasi, dipercayai perlunya perdebatan mengenai bentuk dan makna karya seni dengan merujuk kepada kehidupan seharian yang dinamik. Percampuran tanda dan konsep yang mewakili sumber tempatan dan global mempengaruhi pembentukan budaya harian. Pelukis tidak dapat lari dari terlibat secara langsung di dalam dialog mengenai masyarakat sosial, politikal, estetik dan realiti kehidupan manusia di zamannya, Rump (2009).

Seni Dalam Kehidupan.

Pelukis kontemporari tidak hanya menghasilkan karya di dalam studio tetapi mula untuk mencari dan melihat sesuatu isu yang lebih cenderung kepada masyarakat. Papastergiadis (2010) meletakkan seni dalam konteks kehidupan seharian dan penggunaan cerita atau objek harian di dalam penghasilan karya seni telah menjadikan seni sebagai alat untuk menentukan nilai dan perkembangan sosial budaya. Imej dan idea yang dihasilkan mempunyai kapasiti untuk tidak cuma menukar perspektif pelukis terhadap realiti, tetapi ianya juga telah mempengaruhi persepsi audiens terhadap karya pelukis. Menurut Leo Tolstoy, seni ialah aktiviti manusia yang mengandungi kesedaran individu dengan maksud merujuk kepada petanda luaran, lalu menyampaikan kepada individu yang lain mengenai perasaan dan pengalaman yang dirasai, serta individu tersebut akan terpengaruh dengan perasaan ini lalu berjangkit dengannya (Popova, 2013). Individu yang menerima pernyataan perasaan dan pengalaman individu yang lain melalui perasaan sendiri akan mewujudkan aktiviti dasar yang membentuk seni (Popova, 2013). Thompson (2006) berpendapat bahawa penyelidikan berasaskan seni difahami sebagai bentuk kajian yang mempunyai banyak bentuk persembahannya, namun ia sebenarnya mudah difahami sebagai “cara untuk mengetahui”. Secara langsung seni (seni visual) menjadi agen penting di dalam kehidupan manusia. Fungsi seni visual dalam merakam dan mengkaji perihal semasa membuatkan seni visual penting di dalam perkembangan kehidupan manusia. Keadaan sekeliling mempengaruhi pelukis untuk berkarya. Penterjemahan di dalam bentuk karya dan maksud mungkin

berbeza-beza tetapi sumber inspirasinya adalah sama iaitu sekitar kehidupan manusia.

Bibliografi.

Frank. P. (2004). *Preble's Artforms*. 8th ed. New Jersey: Pearson Education, Inc. Upper Saddle River.

Inglis. D. (2005). *CULTURE AND EVERYDAY LIFE*. (First published printed in the USA and Canada by Routledge). London and New York : Taylor & Francis e-Library (<http://www.ebookstore.tandf.co.uk/>), m/s. 1-2

Graham. G. (2005). *PHILOSOPHY OF THE ARTS. An Introduction to Aesthetics*. 3rd ed. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.

Ocvirk, O.G & Stinson, R.E. (1998) *Art Fundamentals : Theory And Practice*. 8th ed. U.S: McGraw Hill.

Papastergiadis. N. (2010). *Spatial Aesthetics, Art, Place and the everyday*. Institute of Network Cultures, Amsterdam, m/s. 21

Popova. M (2013). *Leo Tolstoy on Emotional Infectiousness and What Separates Good Art from Bad*. Retrieved on 01/06/2015 at <http://www.brainpickings.org/2013/09/09/leo-tolstoy-what-is-art-infectiousness/>

Rump.G.C (2009). *Reconstructing Deconstruction Five Artists and their Analysis of the Relations Between Reality and Myth at Caprice Horn Gallery in Berlin, Germany*. Retrieved on 01/06/2015 at <http://stevesabella.com/Reconstructing-Deconstruction-Contemporary-Practices-Volume-5-p-98-99-Gerhard-Rump.pdf>. hlm. 92 & 98

Simmel. G. (1950). *'Metropolis and Mental Life'*, in Kurt H. Wolff (trans. and ed.) *The Sociology of Georg Simmel*, New York: Free Press.

Thompson, C. (2006, July 31). *Art practice as research: A review essay*. International Journal of Education & the Arts, 7(Review 3). Retrieved [01/06/2015] from <http://ijea.asu.edu/v7r3/>.

Tomlinson. J. (1997). *Cultural Imperialism: A Critical Introduction*, London: Pinter, m/s. 174

